

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 JULAI 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Khasiat alga bantu halus, tegangkan kulit	Berita Harian
2.	Teknologi IoT dalam produk	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (KECANTIKAN) : MUKA SURAT B8
TARIKH : 4 JULAI 2016 (ISNIN)

Khasiat alga bantu halus, tegangkan kulit

Agen antioksidasi terbaik di dunia, astaxanthin menjadi taruhan Algaitech International Sdn Bhd dalam menampilkan produk penjagaan wajah, asta.tude yang dilancarkan di pusat beli-belah Sunway Putra Mall, baru-baru ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Paduka Syed Isa Syed Alwi, berkata astaxanthin yang diperoleh menerusi alga, melalui tempoh kajian sejak sembilan tahun lalu, dengan kilang pembangunan pembiakan dibina di Teknologi Park Malaysia.

"Kami memperuntukkan kira-kira RM30 juta untuk membangunkan produk ini.

Keberkesanan astaxanthin menjadi taruhan kami untuk meyakinkan pengguna. Banyak bukti menunjukkan kalau sapu pada kulit, ia menyebabkan kulit tegang dan halus," katanya pada majlis pelancaran asta.tude di ibu negara, baru-baru ini.

Pelancaran disempurnakan, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Noorul Ainin Mohd Nur. Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Datuk Hafshah Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Biotechnology Corporation, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal serta

duta produk, selebriti dua beradik, Sharifah Shahirah dan Sharifah Haslinda.

Fokus pasaran tempatan

Produk khusus wanita berusia 25 tahun dan ke atas itu menyasarkan tindakan kulit wajah cerah serta bebas garis halus menerusi rangkaian antipenuaan dalam botol cantik, kini boleh dibeli menerusi laman internet.

Mengenai rangka pemasaran, syarikat bioteknologi tempatan yang mendapat anugerah BioNexus Status itu memperuntukkan kira-kira RM7 juta daripada segi promosi selain mendapat kerjasama

daripada agensi kerajaan.

"Buat masa ini, kita fokus pada pasaran tempatan dahulu, sebelum melebarkan sayap ke pasaran luar negara," katanya.

BioNext, sebuah program hasil inisiatif Biotechnology Corporation untuk meningkatkan pengkomersialan produk daripada syarikat berasaskan penyelidikan.

Program ditawarkan kepada syarikat berstatus BioNexus ini secara relatifnya adalah berstatus kecil dan sederhana yang berteraskan pembangunan produk berasaskan bahan semula jadi.



Antara produk kecantikan Asta.tude

Fakta nombor

RM30

JUTA
kos bangunan produk

RM7

JUTA
kos promosi

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 4 JULAI 2016 (ISNIN)

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Teknologi IoT dalam produk

PADA hari ini, kebanyakan produk dan perkhidmatan dalam perniagaan menggunakan teknologi IoT (*Internet of Thing*) seperti televisyen, mesin basuh dan lain-lain. Apakah perkara yang perlu dilihat sebelum teknologi IoT digunakan dalam sesebuah produk atau perkhidmatan dalam perniagaan?

DAN, Mengkarak.

Perkembangan penggunaan teknologi IoT dalam pelbagai produk dan perkhidmatan disebabkan oleh majunya teknologi pengalimatan rangkaian dan Internet. Teknologi pengalimatan IP (*Internet Protocol*) dan Internet menjadi teras utama dalam pelaksanaan teknologi IoT. Namun begitu, prasarana ini telah disediakan dengan baik oleh pihak bertanggungjawab seperti agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, APNIC, MyNIC, syarikat pembekal perkhidmatan Internet dan lain-lain.

Dari sudut pihak yang mahu menggunakan teknologi IoT dalam produk dan perkhidmatan yang disediakan, beberapa perkara perlu diperhalusi.

1 Pengurusan dan penyelenggaraan peralatan IoT. Alat-alat dan sensor yang digunakan dalam teknologi IoT terlalu banyak, berada dalam lokasi yang berselerak dan selalu kemas kini data secara masa nyata. Perlu dikenal pasti secara terperinci bagi setiap alat dan sensor yang terlibat dalam penggunaan teknologi IoT. Sekiranya salah satu atau lebih alat dan sensor dalam teknologi IoT ini rosak dan bermasalah, berkemungkinan besar memberi masalah kepada keseluruhan sistem dalam teknologi IoT yang digunakan.

2 Pengurusan dan pemahaman data bagi teknologi IoT. Data dalam teknologi diperolehi daripada banyak alat dan sensor yang lokasinya bersifat berselerakkan atau tidak terpusat. Jadi, perlu ada mekanisme yang baik, cekap dan berupaya mengurus data segala data ini. Seterusnya, mekanisme itu berupaya memahami kepentingan dan keperluan penggunaan data yang diperolehi. Mekanisme juga berupaya menapis dan mengasingkan mana-mana data yang tidak perlu digunakan. Mekanisme pengkategorian dan pembersihan data juga sangat perlu dipraktikkan. Pada hari ini mekanisme ini banyak menggunakan teknologi analitikal data raya atau big data analytic.

3 Mekanisme keselamatan teknologi IoT. Mekanisme dalam teknologi IoT ini yang bersifat teragih dalam rangkaian berupaya mengundang masalah pencerobohan keselamatan dalam sistemnya. Perlu ada profil keselamatan terperinci bagi setiap alat, sensor dan rangkaian yang digunakan dalam teknologi IoT. Pemantauan keselamatan secara masa nyata yang cekap dan berkesan perlu diwujudkan bagi menangani apa-apa isu keselamatan yang timbul. Begitu juga, perlu ada prosedur, panduan dan polisi keselamatan bagi teknologi IoT dengan yang jelas dan nyata. Perlu ada mekanisme keselamatan secara satu ke satu antara alat dan sensor yang berhampiran bagi mempercepatkan pengesanan dan tindakan terhadap isu keselamatan yang berlaku.